

25 DEC 2001

Mahathir-Bunuh

DR MAHATHIR TIDAK TAHU ADA KOMPLOT MAHU BUNUH BELIAU DAN TPM

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak tahu menahu tentang satu pakatan yang didakwa untuk membunuh beliau dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi seperti yang dilaporkan sebuah akhbar hari ini.

"Saya tidak mempunyai apa-apa maklumat mengenainya...biasanya apabila ada perkara yang serius polis akan memberitahu saya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Krismas di kediaman paderi besar Roman Katolik Rev. Anthony Fernandez di Jalan Bukit Nenas di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata laporan seperti itu tidak boleh diambil kira sangat kerana ia cuma laporan akhbar.

"Ini cuma laporan dalam akhbar... saya tak tahu dari mana dia (akhbar itu) dapat dia punya berita," katanya.

Beliau telah diminta mengulas laporan muka depan sebuah akhbar hari ini yang memetik sumber yang tidak dinamakan sebagai berkata bahawa polis telah membongkar satu komplot oleh beberapa orang ahli politik tempatan untuk membunuh kedua-dua pemimpin berkenaan dengan menggunakan pembunuh upahan.

Ditanya sama ada laporan seumpama itu boleh menjejaskan kedudukannya sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir laporan itu boleh memberi kesan terhadap kedudukannya.

Dr Mahathir juga berkata laporan itu tidak akan memaksa langkah keselamatan ke atas dirinya ditambah kerana langkah sedia ada sudah mencukupi.

Ditanya mengenai laporan itu yang mengatakan terdapat beberapa pemimpin politik tempatan menjadi dalang dalam pakatan untuk membunuhnya, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak mengesyaki sesiapa."

Mengulas ancaman serupa yang pernah disebarkan menerusi internet tahun lepas, Perdana Menteri berkata ancaman menerusi internet itu berbagai-bagai seperti hendak mengebom dan meletakkan bom di dalam rumahnya.

Ditanya lagi mengenai ancaman itu, Dr Mahathir berkata: "Kita patut beri perhatian, kita tidak menolaknya begitu saja (ancaman itu) (tetapi tidaklah) sampai kita tak boleh buat kerja, susahlah."

Beliau juga ditanya sama ada Malaysia akan mencapai tahap yang pemimpin akan dibunuh.

"Saya berharap ini tidak berlaku...ini bukan budaya kita, tetapi manalah kita tahu," katanya sambil merujuk kepada kes anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas Joe Fernandez yang ditembak mati di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 4 Nov 2000.

Ditanya kemungkinan komplot itu ada kaitan dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Dr Mahathir berkata KMM memang ada rancangan untuk membunuh beberapa orang tertentu tetapi kebanyakan daripada anggota kumpulan itu sudah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

-- BERNAMA

AKT NZ RON